

KAJIAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN MINUMAN KERAS DI MALAYSIA: KONFLIK ANTARA HAK INDIVIDU DENGAN KEPENTINGAN AWAM

*(A Study of Laws Related to Alcoholic Beverages in Malaysia:
The Conflict Between Individual Rights and Public Interest)*

Saranya A/P Ganesan¹
a176169@siswa.ukm.edu.my

Rohaida Nordin²
rohaidanordin@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.^{1&2}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Saranya A/P Ganesan & Rohaida Nordin. (2024). Kajian undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia: Konflik antara hak individu dengan kepentingan awam. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 279–306. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2)no6)

Peroleh: <i>Received:</i>	12/3/2024	Semakan: <i>Revised</i>	2/5/2024	Terima: <i>Accepted:</i>	17/5/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	19/7/2024
------------------------------	-----------	----------------------------	----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Kajian ini membincangkan undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia berlatarbelakangkan konflik antara hak individu dengan kepentingan awam. Malaysia mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras tersendiri. Namun begitu, undang-undang tersebut tidak sepenuhnya berjaya mengurangkan kesalahan yang disebabkan oleh minuman keras. Pada tahun 2020, kematian yang disebabkan oleh pemandu mabuk meningkat, seterusnya menyebabkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda. Namun begitu, pindaan undang-undang tersebut tidak berkesan kerana masih terdapat kesalahan dan ketagihan yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk:

(i) mengenal pasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan

minuman keras di Malaysia; (ii) mengenal pasti isu hak asasi manusia yang wujud daripada undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia; (iii) menganalisis pendekatan undang-undang yang diambil oleh Norway bagi membendung isu yang berkaitan dengan minuman keras; dan (iv) mencadangkan penambahbaikan undang-undang untuk mengawal penggunaan dan penjualan minuman keras di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan undang-undang tulen dan kualitatif doktrinal. Maklumat bagi kajian ini diperoleh daripada statut dan kes perundangan sebagai sumber primer. Hasil kajian menunjukkan bahawa pindaan perlu dilakukan terhadap undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia supaya lebih ketat, serta mewujudkan polisi lesen dan keadilan jenayah dalam undang-undang yang berkaitan dengan meminum alkohol. Oleh itu, kajian ini mengutarakan beberapa cadangan untuk menambah baik undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras supaya lebih berkesan untuk mengurangkan kes yang berkaitan pada masa hadapan.

Kata kunci: Minuman keras, alkohol, undang-undang, hak asasi manusia, kepentingan awam, Malaysia

Abstract

This study discusses laws related to liquor in Malaysia based on individual rights and public interest. Although Malaysia has its liquor laws. The law has not fully succeeded in reducing damaged caused by alcohol consumption. In 2020, deaths caused by drunken drivers increased, leading to amendments to the Road Transport Act 1987. However, these amendments are ineffective as there still seem to be alcohol-related offences and addiction happening in Malaysia. This study aims to: (i) identify the legal provisions related to liquor in Malaysia; (ii) identify human rights issues arising from liquor-related laws in Malaysia; (iii) analyze the legal approaches taken by Norway to curb alcohol-related issues; and (iv) propose legal improvements to control the consumption and sale of liquor in Malaysia. To achieve these objectives, this study uses a pure and qualitative doctrinal legal approach. Information for this study was obtained from statutes, and legal cases as primary sources. The results of this study indicate that amendments need to be made to the law so it is stringent as well as creating a license policy and criminal justice policy in the laws related to drinking alcohol. Therefore, this study will put forward some suggestions to improve liquor-related laws so that it is more effective in reducing related cases in the future.

Keywords: Liquor, alcohol, laws, human rights, public interests, Malaysia

PENDAHULUAN

Kata alkohol berasal daripada kalimah bahasa arab, iaitu *al-kuhul* yang bermaksud inti pati. Alkohol merupakan cecair yang mudah terbakar dan memabukkan (Ardiah Jamali et al., 2009). Minuman keras atau minuman yang mengandungi alkohol dapat ditemukan di kebanyakan negara di dunia sejak sekian lama. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengklasifikasikan pengeluaran dan pengedaran minuman beralkohol kepada beberapa kategori, iaitu minuman keras tradisional yang dihasilkan di rumah sebagai hasil kraf budaya, minuman keras tradisional yang dikeluarkan sebagai industri tempatan, minuman keras kosmopolitan yang dikeluarkan oleh industri tempatan dan minuman keras kosmopolitan industri global (World Health Organisation [WHO], 2007). Minuman keras kosmopolitan bermakna minuman keras Eropah, seperti bir, wain, brandi, wiski, gin, vodka dan spirit. Sejak bertahun-tahun yang lalu, masalah yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia sering berlaku dan tiada penyelesaian muktamad terhadap masalah ini.

Undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras digunakan untuk mengawal penggunaan dan penjualan minuman keras dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, undang-undang yang sedia ada di Malaysia ini tidak memberikan perlindungan penuh terhadap kepentingan awam. Oleh itu, berlaku konflik antara hak individu dengan kepentingan awam dari aspek memperbaharu dan memperketat undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada tahun 2020 disebabkan oleh peningkatan kes kemalangan yang berpunca daripada pemandu mabuk pada tahun berkenaan. Pindaan tersebut melibatkan Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (pindaan 2020), iaitu pertambahan tempoh hukuman penjara dan amaun denda bagi seseorang yang memandu di bawah pengaruh alkohol sehingga menyebabkan kematian. Dalam hal ini, pesalah tersebut akan dipenjarakan secara maksimum dalam tempoh 15 tahun, didenda hingga RM100,000 dan digantung lesen memandunya tidak kurang daripada tempoh 10 tahun. Pindaan Akta tersebut yang melibatkan Seksyen 41 hingga Seksyen 45 Akta Pengangkutan Jalan diluluskan dan dikuatkuasakan pada 23 Oktober 2020. Walaupun pindaan undang-undang dilakukan dengan terperinci, undang-undang tersebut hanyalah pemanjangan dan peningkatan kadar hukuman sedia ada,

bukannya hukuman baharu. Bayaran denda yang rendah dan ketiadaan penekanan terhadap hak tebusan mangsa dan waris menyebabkan pindaan undang-undang ini kurang berkesan kerana kemalangan yang melibatkan pemandu mabuk masih berlaku di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana peningkatan kadar hukuman hanya satu daripada kaedah untuk menghukum pesalah, bukannya mencegah kesalahan.

Selain itu, terdapat juga peraturan eksais yang berkaitan dengan penjualan likuor yang memabukkan yang mengehadkan jualan likuor yang memabukkan secara borong dan runcit dari pukul 9.00 malam hingga pukul 7.00 pagi. Akta ini juga melarang pembekalan atau penjualan likuor yang memabukkan kepada orang yang berumur di bawah 18 tahun. Persoalan utama dalam hal ini ialah tahap kepatuhan masyarakat terhadap peraturan ini. Pada masa yang sama, terdapat kekurangan dalam peruntukan akta ini. Akta ini hanya melarang penjualan minuman yang memabukkan kepada orang yang berumur di bawah 18 tahun, bukannya melarang seseorang itu meminum minuman keras.

Undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras yang tidak jelas dan masih kabur mengakibatkan peningkatan masalah yang berkaitan dengan minuman keras bukan sahaja dari aspek undang-undang, malah aspek sosial. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk: (i) mengenal pasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia; (ii) mengenal pasti isu hak asasi manusia yang berlaku kesan daripada undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia; (iii) menganalisis pendekatan undang-undang yang diambil oleh Norway bagi membendung isu yang berkaitan dengan minuman keras; dan (iv) mencadangkan penambahbaikan undang-undang untuk mengawal penggunaan dan penjualan minuman keras di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan undang-undang tulen dan kualitatif doktrinal.

UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN PENJUALAN DAN PENGAMBILAN MINUMAN KERAS DI MALAYSIA

Undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia diwujudkan bagi mengawal penjualan dan perdagangan minuman keras di Malaysia, serta di luar negara. Namun begitu, setakat ini, penggunaan dan pengambilan minuman keras oleh seseorang itu tidak dikawal oleh undang-undang secara sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana

tiada peruntukan undang-undang yang mengawal pembelian minuman keras oleh seseorang individu di Malaysia. Hal ini menyebabkan kadar pengambilan minuman keras meningkat. Walaupun undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras yang sedia ada dapat mengawal penjualan dan pengimportan minuman keras di Malaysia, masih terdapat beberapa kekurangan terhadap undang-undang tersebut. Antaranya termasuklah tidak dapat mengawal aktiviti seseorang yang mabuk disebabkan oleh meminum minuman keras yang berlebihan dan tidak dapat mengawal jumlah pembelian minuman keras oleh seseorang. Mabuk ialah keadaan apabila alkohol atau dadah menjejaskan keupayaan normal seseorang untuk berfungsi secara rasional. Dalam keadaan ini, orang tersebut tidak mampu bertindak seperti orang biasa dari aspek berhemat dan berhati-hati. Oleh itu, mabuk ialah suatu pembelaan bagi tanggungan jenayah di Malaysia.

Dengan berdasarkan Seksyen 510 Kanun Keseksaan, seseorang yang mabuk dan menimbulkan masalah di tempat awam, serta mencerooboh mana-mana tempat dan menyebabkan kacau-ganggu terhadap mana-mana orang awam akan dipenjarakan hingga sepuluh hari atau didenda hingga RM20 (Kanun Keseksaan). Malah, Seksyen 85 dan 86 Seksyen Kanun Keseksaan memperuntukkan peluang pembelaan bagi seseorang yang mabuk. Seksyen 85(2) Kanun Keseksaan memperuntukkan pembelaan terhadap pendakwaan jenayah bagi orang mabuk yang tidak menyedari perbuatannya itu menyalahi undang-undang atau tidak mengetahui perkara yang telah dilakukannya. Perkara ini selanjutnya dijelaskan dalam subseksyen 2(a) dan 2(b), iaitu keadaan mabuk berlaku tanpa persetujuannya disebabkan oleh perbuatan jahat atau cuai orang lain [Seksyen 85(2a) Kanun Keseksaan]; atau orang yang dituduh melakukan kesalahan itu disebabkan oleh mabuk, atau tidak siuman ketika melakukan perbuatan itu [Seksyen 85(2b) Kanun Keseksaan]. Seterusnya, menerusi Seksyen 86 Kanun Keseksaan, sekiranya pembelaan tertuduh berada di bawah subseksyen 85(2), tertuduh akan dibebaskan bagi kes di bawah perenggan (a). Seksyen 84 Kanun Keseksaan, serta Seksyen 347 dan Seksyen 348 Kod Prosedur Jenayah (Akta 593) pula digunakan bagi kes yang termasuk di bawah perenggan (b).

Penjualan arak pada peringkat persekutuan dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang berada di bawah Kementerian Kewangan dan undang-undang yang berkaitan dengan pelesenan penjualan arak, iaitu Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976. Lesen pengilangan minuman keras yang memabukkan di dalam negara juga

dikawal oleh JKDM berdasarkan Akta Eksais 1976. Pelesenan penjualan likuor yang memabukkan secara runcit ditetapkan di bawah Seksyen 32 Akta Eksais 1976, tetapi seksyen ini memberikan pengecualian lesen jualan runcit minuman beralkohol, seperti bir, todi atau likuor natif. Arak jenis ini tidak memerlukan lesen jualan jika mematuhi kuantiti jualan yang ditetapkan.

Seterusnya, seseorang yang menjual arak secara haram boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 32(1) dan Seksyen 33(1) Akta Eksais 1976. Seksyen 32(1) Akta Eksais 1976 menetapkan bahawa seseorang itu tidak boleh menjual atau menawarkan likuor yang memabukkan secara jualan runcit kepada mana-mana orang tanpa lesen dan menjualnya di tempat yang tidak dinyatakan dalam lesen berkenaan. Seksyen 33(1) Akta Eksais 1976 pula menetapkan bahawa seseorang tidak boleh menjual apa-apa likuor yang memabukkan secara borong atau menawarkan jualannya secara borong tanpa memiliki lesen jualan. Seseorang yang mempunyai lesen di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 yang menyuling, menapai atau mengilang likuor yang memabukkan boleh menjual likuor yang memabukkan secara borong tanpa lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini di premis yang menjadi tempat likuor itu dikilang; atau jika likuor itu dibekalkan kepada pembeli secara terus daripada premis tersebut.

Tambahan pula, terdapat larangan pengiklanan yang berkaitan dengan alkohol di televisyen dan radio yang diperuntukkan di Bahagian 3, Kod Kandungan 8.5 Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Walau bagaimanapun, undang-undang ini tidak berkesan untuk mengawal penjualan dan pengambilan minuman keras dalam kalangan masyarakat di Malaysia kerana minuman beralkohol masih boleh diiklankan di media sosial. Seterusnya, terdapat juga peraturan eksais yang berkaitan dengan penjualan arak yang memabukkan. Peraturan 5, 6 dan 12 dalam Peraturan-peraturan Eksais (Penjualan Likuor yang Memabukkan) 1977 mengehadkan penjualan minuman keras secara borong dan runcit dari pukul 7 pagi hingga 9 malam dan melarang pembekalan atau penjualan minuman keras kepada orang yang berumur di bawah 21 tahun. Melalui Seksyen 14A(1) Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992, seseorang yang mempunyai lesen penjualan minuman keras di suatu tempat hiburan tidak boleh membekalkan, menjual atau membenarkannya dibekalkan atau dijual, atau membiarkan pembekalan atau penjualan minuman keras yang memabukkan kepada mana-mana individu yang berumur di bawah 21 tahun.

Seterusnya, Akta Pengangkutan Jalan 1987 berfungsi sebagai undang-undang yang mengawal selia kenderaan bermotor dan isu yang berlaku di jalan raya di Malaysia. Seseorang yang memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol atau dadah di jalan raya atau di tempat awam boleh didakwa di bawah Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020). Seksyen ini menetapkan bahawa seseorang yang tidak mampu mengawal kenderaannya, mempunyai kandungan alkohol yang terlalu banyak di dalam badannya sehingga kandungan alkohol dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan, dan menyebabkan kematian mana-mana orang, boleh dihukum, iaitu dipenjarakan tidak kurang daripada tempoh 10 tahun dan tidak lebih daripada tempoh 15 tahun; didenda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak lebih daripada RM100,000. Jika kesalahan ini diulangi pada kali kedua atau lebih, pesalah itu hendaklah dipenjarakan dalam tempoh tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 20 tahun; didenda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak lebih daripada RM150,000.

Selanjutnya, Seksyen 44(1A) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020) menetapkan bahawa mana-mana orang yang memandu kenderaan bermotor di bawah pengaruh alkohol atau dadah yang menyebabkan kecederaan orang awam boleh dihukum, iaitu dipenjarakan dalam tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun atau tidak lebih daripada 10 tahun dan didenda tidak kurang daripada RM30,000 dan tidak lebih daripada RM50,000. Bagi sabitan kali kedua atau seterusnya, pesalah tersebut boleh dipenjarakan dalam tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada tempoh 15 tahun, dan didenda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak lebih daripada RM100,000. Seterusnya, di bawah Seksyen 44(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020), seseorang yang disabitkan dengan kesalahan di bawah subseksyen (1) akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu untuk tempoh lima tahun atau tidak kurang daripada tempoh 10 tahun dari tarikh sabitan, dan dalam sabitan seterusnya, pesalah akan hilang kelayakan untuk tempoh 20 tahun dari tarikh sabitan.

Selanjutnya, berdasarkan Seksyen 44(3a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020), seseorang yang disabitkan dengan kesalahan di bawah subseksyen (1a) akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu untuk tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun dari tarikh sabitan. Dalam kes sabitan kedua atau seterusnya, pesalah hilang kelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu bagi tempoh 10 tahun dari tarikh sabitan.

Selain itu, berdasarkan Seksyen 45(1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan 2020), seseorang yang disabitkan kesalahan kerana memandu dalam keadaan mabuk boleh dihukum, iaitu didenda tidak kurang daripada RM1000 dan tidak lebih daripada RM5000, dan boleh juga dipenjarakan dalam tempoh tidak lebih daripada dua tahun. Dalam kes sabitan kali kedua atau seterusnya, denda yang dikenakan tidak kurang daripada RM5000 dan tidak lebih daripada RM10,000, dan boleh juga dipenjarakan dalam tempoh tidak lebih daripada lima tahun. Menerusi Seksyen 45(2) pula, seseorang yang disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen ini akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh sabitan. Dalam kes sabitan kedua atau seterusnya, pesalah tersebut hilang kelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu bagi tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.

Tambahan pula, Seksyen 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan 2020) memperuntukkan bahawa seseorang yang disabitkan dengan kesalahan hendaklah dipenjarakan dalam tempoh tidak lebih daripada dua tahun dan didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM30,000. Dalam kes sabitan kali kedua atau seterusnya, pesalah akan dipenjarakan dalam tempoh tidak lebih daripada lima tahun dan didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM50,000. Menerusi Seksyen 45A(3) Akta tersebut, seseorang yang disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen ini akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh sabitan. Dalam kes sabitan kali kedua atau seterusnya, pesalah akan hilang kelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu untuk tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.

Seterusnya, terdapat agensi penguatkuasaan yang mengawal penjualan minuman keras dan menangkap seseorang yang melakukan kesalahan yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Dalam Seksyen 20 Akta Polis 1967, tugas pegawai polis ialah menangkap semua orang yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk ditangkap; memproses risikan keselamatan; menjalankan pendakwaan; memberikan bantuan dalam pelaksanaan undang-undang yang berhubung dengan hasil, eksais, kebersihan, kuarantin, imigresen dan pendaftaran; memberikan bantuan untuk mengekalkan ketenteraman di pelabuhan

dan lapangan terbang Malaysia, dan bantuan untuk menguatkuasakan peraturan kelautan dan pelabuhan; melaksanakan saman, waran, perintah pemenjaraan dan proses lain yang dikeluarkan dengan sah oleh pihak berkuasa yang kompeten (Akta Polis 1967). Dalam pada itu, seseorang pegawai polis boleh menangkap seseorang yang mabuk dan menyebabkan kacau-ganggu terhadap orang awam dan boleh menangkap seseorang yang menyeludup minuman keras secara haram melalui darat atau perairan negara.

Selanjutnya, tugas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memelihara keselamatan negara, serta kesejahteraan rakyat (Akademi Kastam Diraja Malaysia) Agensi ini bertanggungjawab untuk memungut hasil negara dalam bentuk duti import, duti eksport, duti eksais dan cukai barangan dan perkhidmatan. Seterusnya, JKDM mempunyai tugas untuk memberikan kemudahan kepada sektor perdagangan dan perindustrian, serta bertanggungjawab bagi menguatkuasakan undang-undang.

Di samping itu, tugas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan bagi memungut hasil negara melalui kutipan cukai dan pelbagai bayaran urus niaga pelesenan kenderaan motor, pelesenan pemandu dan penguatkuasaan. Tugas paling penting bagi JPJ adalah untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang.

Kes yang Berkaitan dengan Minuman Keras di Malaysia

Terdapat beberapa kes yang berkaitan dengan kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu mabuk dan kes yang berkaitan dengan penyeludupan minuman keras dan penjualan minuman keras tanpa lesen. Contohnya, kes *Public Prosecutor lwn Chew Jing Zhong* [2020] *MLJU* 672. Dalam kes ini, tertuduh didakwa atas kesalahan mengikut Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Hal ini dikatakan demikian kerana tertuduh telah menyebabkan kemalangan maut di bawah pengaruh alkohol. Kemalangan maut berlaku apabila tertuduh memandu dengan berbahaya. Tertuduh berada di bawah pengaruh alkohol pada masa itu.

Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 memperuntukkan tiga elemen yang mesti dibuktikan oleh pihak pendakwaan untuk mendapatkan kes prima facie. Pertama, orang yang dituduh berada di bawah pengaruh bahan yang memabukkan, seperti alkohol atau dadah. Kedua, pengaruh sedemikian kemudiannya menjejaskan keupayaannya

untuk mengawal kenderaan yang dikendalikannya pada masa itu. Ketiga, akibatnya, orang yang dituduh tidak berupaya mengendalikan kenderaan itu sehingga menyebabkan mangsa mati atau cedera. Dengan mengambil kira semua pertimbangan tersebut, tertuduh dijatuhi hukuman penjara dalam tempoh 42 bulan dari tarikh sabitan; didenda sebanyak RM9,000 yang jika gagal membayarnya, hukuman penjara ditambah hingga enam bulan lagi; dan perintah hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu motor untuk tempoh lima tahun dari tarikh sabitan.

Kes seterusnya ialah *Olivia Chong Oi Yun lwn Public Prosecutor* [2020] 10 *MLJ* 19. Kes ini merupakan suatu kes rayuan terhadap perintah sabitan dan hukuman yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Tawau atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 44(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Olivia Chong Oi Yun dituduh kerana memandu kereta di bawah pengaruh alkohol, iaitu melebihi had yang ditetapkan, seterusnya menyebabkan empat orang mati dan seorang cedera. Bagi pertuduhan pertama, perayu dijatuhi hukuman penjara dalam tempoh sepuluh tahun, dan didenda sebanyak RM20,000 yang jika gagal membayarnya, hukuman penjara ditambah enam bulan kerana menyebabkan empat orang mati. Bagi pertuduhan kedua, perayu dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun, dan didenda sebanyak RM19,000 yang jika gagal membayarnya, hukuman penjara ditambah enam bulan kerana menyebabkan seorang cedera. Hakim memerintahkan tertuduh supaya menjalani hukuman penjara bagi kedua-dua tuduhan serentak. Lesen memandu tertuduh turut diperintahkan untuk dibatalkan bagi tempoh sepuluh tahun, iaitu lima tahun bagi setiap pertuduhan. Mahkamah rayuan memutuskan untuk menolak rayuan terhadap sabitan dan membenarkan sebahagian rayuan terhadap hukuman dalam kes tersebut.

Seterusnya, Pasukan Gerakan Am (PGA) Cheras berjaya membanteras kes penyeludupan minuman keras tidak bercukai bernilai lebih kurang RM1.65 juta di sebuah kawasan industri kecil di Klang pada 7 Julai 2021, dan merampas sebanyak 2130 kotak minuman keras yang disyaki tidak bercukai dan beberapa kenderaan yang digunakan dalam modus operandi penyeludupan itu (Manzaidi Mohd Amin, 2021). Menurut Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), sebanyak 2518 kes rampasan rokok dan minuman keras tidak sah bernilai RM41.43 juta dengan jumlah kehilangan cukai sebanyak RM281.69 juta telah direkodkan hingga September 2021 seperti yang dinyatakan dalam Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid (2021). Menurut Timbalan Menteri Kewangan I, Mohd Shahrul Abdullah, jumlah kes rampasan ialah

sebanyak 2842 kes yang keseluruhannya bernilai RM97.34 juta yang melibatkan nilai kehilangan cukai sebanyak RM707.14 juta bagi tahun 2020 seperti yang dinyatakan dalam Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid (2021). Seterusnya, pada 5 Mac 2022, pihak polis menahan empat lelaki, termasuk tiga warga asing selepas disyaki menjalankan perniagaan menjual minuman keras tanpa lesen dalam satu serbuan di sebuah pusat hiburan di Cheras Business Centre di Kuala Lumpur (Rubini Nagarajah, 2022).

Selain itu, di Klang pula, terdapat sindiket penyeludupan arak yang mencampurkan tin minuman itu dengan barang lain. Pihak berkuasa merampas minuman keras berjumlah 75420.86 liter yang nilainya dianggarkan sebanyak RM416,254. Semua arak berkenaan dirampas ketika pemeriksaan di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang pada 28 Februari, serta antara 2 Mac hingga 28 Mac 2022 (Muhammad Aminnuraliff, 2022).

Dengan berdasarkan analisis yang dinyatakan ini, undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras yang mengawal kesalahan yang berkaitan dengannya tidak berjaya mengelakkan kesalahan yang berkaitan dengan minuman keras. Malah, hal ini menyebabkan peningkatan masalah yang berkaitan dengan minuman keras bukan sahaja dari aspek undang-undang, malah dari aspek sosial. Tujuan utama pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras seharusnya adalah untuk mengurangkan dan membanteras kesalahan yang berlaku disebabkan oleh meminum, menjual dan berdagang minuman keras. Namun begitu, kerugian daripada kesalahan yang berlaku disebabkan oleh kegiatan yang berkaitan dengan minuman keras masih tinggi.

KONFLIK ANTARA HAK ASASI MANUSIA DENGAN KEPENTINGAN AWAM

Kajian ini seterusnya menganalisis konflik antara hak individu dengan kepentingan awam dalam penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras yang lebih ketat di Malaysia. Kawalan alkohol merupakan suatu hak asasi manusia kerana pada tahun belakangan ini, terdapat penerimaan untuk mengiktiraf kawalan alkohol sebagai keutamaan hak asasi manusia dari segi membuat kesimpulan pemerhatian dalam undang-undang (Ferguson et al., 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana Jawatankuasa Hak Asasi Manusia sering mengesyorkan langkah kawalan alkohol yang lebih ketat. Contohnya, Jawatankuasa

Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Jawatankuasa Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR) telah meminta Negara Anggota untuk melaksanakan langkah kawalan alkohol seperti yang digariskan dalam Strategi Alkohol Global (WHO, 2014). Antaranya termasuklah menetapkan umur minimum untuk pengambilan alkohol, mengenakan larangan undang-undang terhadap pengiklanan alkohol, melaksanakan strategi untuk meningkatkan kesedaran, mengukuhkan kawal selia penjualan alkohol dan menguatkuasakan undang-undang dalam kalangan remaja.

Hak individu dan kepentingan awam merupakan dua elemen penting dalam penggubalan mana-mana undang-undang di Malaysia kerana rakyat negara ini terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa. Satu daripada badan yang bertanggungjawab untuk mengurus hak asasi manusia di Malaysia ialah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Dengan berpandukan Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, hak asasi bermaksud kebebasan asas seperti yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan isu hak asasi manusia di Malaysia. Perlembagaan Persekutuan Malaysia mempunyai peruntukan mengenai kebebasan dan hak asasi manusia yang dapat dilihat pada Bahagian II. Bahagian tersebut mempunyai lapan perkara yang berkaitan dengan kebebasan dan hak asasi warganegara Malaysia. Perkara 11 dan Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kebebasan beragama bagi semua warganegara. Selain itu SUHAKAM turut memberikan tumpuan terhadap Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948 bagi menangani isu hak asasi manusia di Malaysia (Khairul Azhar Meerangani et al., 2013).

Menurut Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948, hak asasi manusia dikategorikan kepada enam bahagian. Pertama, hak asasi peribadi atau hak individu. Hak individu meliputi hak untuk bebas menyatakan pendapat, bebas memeluk agama, bebas bergerak dan sebagainya (Artikel 13;18;19 UDHR). Kedua, hak asasi ekonomi, iaitu hak untuk membeli atau menjual sesuatu, serta memanfaatkannya (Artikel 22 UDHR). Ketiga, hak untuk mendapatkan kualiti perundangan. Keempat, hak asasi politik, iaitu hak memilih dan dipilih dalam pilihan raya (Artikel 2 & 10 UDHR). Kelima, hak asasi sosial dan kebudayaan, iaitu hak pendidikan, hak membangunkan kebudayaan, hak mengamalkan kebudayaan dan sebagainya (Artikel 22–27 UDHR). Keenam, hak untuk mendapatkan perlakuan tata cara, pengadilan, hak untuk mendapatkan

keselamatan dan hak perbicaraan (Artikel 7 & 10 UDHR). Hak ini menyebabkan kepentingan awam dan hak individu perlu diambil kira sebagai hak. Oleh itu, setiap masyarakat Malaysia mempunyai hak untuk mendapatkan suasana kehidupan yang selamat, aman dan damai.

Hak untuk meminum minuman keras ini tidak mutlak, tetapi disifatkan sebagai perlindungan terhadap perkara yang menyalahi undang-undang dan unit keluarga. Tujuan penghadan pengambilan minuman keras adalah untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga, memastikan keselamatan dan perlindungan terhadap kanak-kanak, serta menjadikan pelaku bertanggungjawab terhadap segala kesalahan yang dilakukannya di bawah pengaruh alkohol. Oleh itu, setiap negara mempunyai kewajipan untuk menghormati, melindungi dan memenuhi hak asasi manusia. Selain hak untuk kesihatan, kawalan alkohol yang berkaitan dengan hak kebebasan bersuara dan hak keselamatan juga perlu diberikan perhatian.

Isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan undang-undang minuman keras di Malaysia ialah isu hak individu bukan Islam dalam penggunaan minuman keras. Di Malaysia, undang-undang yang sedia ada menjamin hak orang bukan Islam dalam penggunaan dan penjualan minuman keras. Perkara ini menjadi suatu masalah apabila orang awam yang terdiri daripada pelbagai kaum terjejas disebabkan oleh aktiviti orang yang mabuk. Undang-undang yang sedia ada ini menjamin hak individu bukan Islam dalam penggunaan minuman keras, iaitu memberikannya kebebasan dalam hal tersebut. Jika undang-undang tersebut digubal pada masa hadapan, hak orang bukan Islam tetap perlu dijamin. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun arak adalah haram bagi umat Islam, tiada halangan bagi individu bukan Islam untuk melakukan aktiviti yang berkaitan dengan arak kerana perkara itu merupakan sebahagian daripada amalan budaya sesetengah masyarakat bukan Islam. Golongan tersebut mempunyai kebebasan dan hak untuk menjalankan amalan dan tradisinya [Artikel 27(1) UDHR]. Namun begitu, jika justifikasi kesejahteraan awam dan hak kemanusiaan dalam isu pemandu mabuk yang menyebabkan kematian orang lain difikirkan, sepatutnya tiada pembelaan yang boleh digunakan terhadap pelaku kerana aktiviti tersebut merupakan pelanggaran hak asasi individu lain yang perlu mendapatkan keadilan di sisi undang-undang. Contohnya, pemandu yang mabuk menyebabkan kemalangan dan kematian orang yang tidak bersalah. Keadaan ini mewujudkan konflik antara hak individu dengan kepentingan awam. Apabila seseorang itu diberi hak individu, iaitu kebebasan untuk meminum arak, keselamatan orang awam pula yang

terjejas. Seterusnya, penyelidik berpendapat bahawa hak kepelbagaian kaum yang berbentuk individu tidak perlu diberikan keutamaan atau dijadikan penentu dalam isu ini. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara ini merupakan isu pemandu mabuk dan penyelesaian harus dicari untuk menjaga kepentingan awam. Hal ini bermaksud, hak masyarakat dan orang awam perlu diberikan keutamaan.

Isu kepentingan awam ini boleh dijustifikasikan menurut pandangan ahli falsafah jurisprudens. Undang-undang positif bermaksud undang-undang yang dibentuk dan dihasilkan oleh kerajaan melalui badan kuasa tertinggi negara. Menurut Austin (2000), undang-undang bermaksud peraturan yang ditetapkan oleh orang yang pintar dan mempunyai kuasa terhadapnya. Oleh itu, ahli politik mempunyai kuasa untuk menetapkan undang-undang kerana termasuk dalam tugasnya. Pemerintah sesebuah negara pula mempunyai kuasa untuk menyekat undang-undang.

Undang-undang positif ialah perintah yang diterbitkan, disokong oleh kuasa institusi yang mengikat seseorang, yang berbeza daripada undang-undang moral atau kod yang tidak bertulis dan tanpa sebarang penerbitan awam. Oleh itu, undang-undang positif harus menjadi satu-satunya cara untuk mentadbir masyarakat. Han (1996) mendakwa bahawa undang-undang positif mesti berasaskan undang-undang natural dan undang-undang moral.

Menurut St. Augustine seperti yang dinyatakan dalam Legarre (2017), hukum alam ialah hukum Tuhan, yang merupakan hukum tertinggi dan kekal untuk semua orang. Tambahan pula, Thomas Aquinas membezakan antara hukum positif dengan undang-undang semula jadi. Beliau menyatakan bahawa undang-undang positif ialah peraturan wilayah buatan manusia yang digubal untuk kepentingan orang ramai oleh manusia yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang.

Menurut Ronald Dworkin seperti yang dinyatakan dalam Legarre (2017), hakim harus memutuskan kes berdasarkan struktur politik sesebuah komuniti, bukannya hanya berdasarkan undang-undang positif kerana keadilan terbaik boleh didapati dalam prinsip moral politik. Menurut utilitarianisme sosial, Rudolf von Jhering seperti yang dinyatakan dalam Ago (1957), undang-undang harus diwujudkan untuk mewujudkan keadaan yang harmoni dan melindungi hak individu dalam masyarakat. Beliau percaya bahawa kepentingan sosial harus dilindungi berbanding dengan hak semula jadi. Hal ini dilakukan dengan menggunakan undang-undang untuk melindungi kehidupan sosial manusia.

Di Malaysia, hukuman yang diberikan kepada pesalah yang melakukan kesalahan di bawah pengaruh alkohol ini pada dasarnya adalah untuk mengehadkan penggunaan minuman keras dalam kalangan pengguna. Oleh itu, hukuman penjara dan denda boleh diterima di bawah undang-undang positif dan semula jadi. Hal ini dikatakan demikian kerana undang-undang ini akan mendidik moral manusia. Orang ramai akan lebih sedar tentang akibat salah laku jika dipenjarakan atau didenda. Tambahan pula, apabila melibatkan kesalahan yang dilakukan oleh orang mabuk yang menyebabkan kematian orang yang tidak bersalah, undang-undang positif bercanggah dengan keadilan semula jadi. Undang-undang positif melindungi tertuduh daripada hukuman mati dengan menyatakan bahawa dirinya tidak berniat untuk melakukannya atau tidak mempunyai niat untuk membunuh seseorang. Pembelaan pemandu mabuk dalam undang-undang positif mengikut undang-undang semula jadi ini mengurangkan nilai moral dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, pada zaman ini, undang-undang positif perlu digubal menurut sosiologi masyarakat supaya peraturan baharu tidak bercanggah dengan undang-undang semula jadi.

Selain itu, bagi menggubal undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia, terdapat isu hak majoriti yang menolak arak yang dinafikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pemandu mabuk menjejaskan kesejahteraan awam kerana menggugat keselamatan pengguna jalan raya. Oleh itu, banyak orang yang mengemukakan cadangan bagi menolak arak dengan memperketat undang-undang, seperti menolak kegiatan meminum arak yang melampau (Ku Seman Ku Hussain, 2021). Hal ini bermakna, penjualan arak tidak dihalang sepenuhnya, tetapi dihadkan. Ketagihan arak bukan isu hak individu, tetapi melibatkan keselamatan masyarakat di keliling. Seterusnya, masalah sosial yang berlaku disebabkan oleh minuman keras memberikan kesan langsung terhadap masyarakat. Contohnya, peningkatan kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemandu mabuk. Hal ini mengancam hak masyarakat untuk hidup aman dan tenteram di sekitaran yang selamat.

Di samping itu, isu hak asasi manusia yang wujud akibat undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras ialah hak terhadap kesihatan individu yang tidak dilindungi. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap manusia mempunyai hak untuk mendapatkan kesihatan yang baik, dan hak untuk mendapatkan produk makanan dan perubatan yang selamat untuk digunakan, serta tidak memudaratkan kesihatan (WHO, 2018a).

Hak untuk kesihatan terkandung dalam perjanjian hak asasi manusia antarabangsa (Artikel 12 ICESCR & Artikel 3 CRC). Yang menjadi persoalannya ialah tahap keselamatan untuk meminum minuman keras yang dijual di kedai runcit, kedai perubatan cina dan lain-lain tempat. Isu ini boleh dikaitkan dengan penggunaan dadah dalam sektor perubatan. Terdapat penggunaan dadah dalam pembuatan ubat dan pengambilan ubat tersebut dihadkan menurut preskripsi ahli farmasi. Namun begitu, kuantiti penggunaan minuman keras tidak pula dihadkan. Hal ini menyebabkan individu yang meminum minuman keras menjadi mabuk, seterusnya memudaratkan kesihatan diri dan keselamatan orang di kelilingnya.

Menurut WHO, pengambilan alkohol menyebabkan banyak masalah kesihatan (WHO, 2011). Organisasi ini turut memberikan tumpuan terhadap masalah alkohol yang berkaitan dengan kesihatan awam (WHO, 2011). Pengambilan alkohol menyebabkan lebih 200 keadaan kesihatan dan kecederaan (WHO, 2018b). Organisasi ini juga mengiktiraf penggunaan alkohol yang berkaitan dengan beberapa risiko, seterusnya membuktikan bahawa tiada tahap penggunaan alkohol yang selamat (Global alcohol policy, 2015). Di seluruh dunia, penggunaan alkohol dianggarkan menyebabkan tiga juta kematian pada setiap tahun, iaitu bersamaan dengan 5.3% daripada semua jenis kematian. Tabiat meminum minuman keras secara berlebihan pula menyebabkan lebih daripada 5% bebanan penyakit global (WHO, 2007). Selain itu, WHO juga menyatakan bahawa negara berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi beban penyakit dan kecederaan yang lebih tinggi disebabkan oleh pengambilan alkohol berbanding dengan negara berpendapatan tinggi. Di samping itu, pengambilan alkohol dalam kalangan remaja dikaitkan dengan pelbagai isu pembelajaran dan terdapat wanita yang mengalami keganasan rumah tangga dan bebanan kewangan disebabkan oleh orang di kelilingnya yang meminum minuman keras (Raja Noraina Raja Rahim, 2021). Oleh itu, Malaysia memerlukan undang-undang yang mengehadkan pengambilan minuman keras untuk menjaga kesihatan peminumnya.

Selanjutnya, apabila berlaku pertembungan antara hak individu dengan hak kesejahteraan awam, hak kesejahteraan awam perlu diutamakan (Yamin & Constantin, 2018). Contohnya, dalam undang-undang minuman keras, hak individu ialah hak meminum minuman keras tanpa batasan bagi tujuan agama, peribadi atau lain-lain, manakala hak masyarakat ialah

hak untuk mendapatkan sekitaran yang selamat, iaitu tanpa gangguan daripada peminum minuman keras. Jika berlaku pertembungan antara dua hak ini, hak masyarakat mesti diutamakan, tetapi tidak melebihi keperluan hak asasi individu (Yamin & Constantin, 2018). Oleh itu, undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras yang sedia ada perlu diketatkan dengan pendekatan yang lebih berkesan supaya dapat mengehadkan penggunaan minuman beralkohol tanpa menjejaskan hak individu.

Tambahan pula, terdapat persoalan, iaitu pengambilan alkohol adalah sah, manakala pengambilan dadah pula tidak sah di Malaysia sedangkan kedua-duanya memberikan risiko kesihatan dan keselamatan terhadap masyarakat. Selain itu, terdapat pusat pemulihan atau lebih dikenali sebagai pusat serenti bagi memulihkan penagih dadah daripada ketagihan, tetapi tiada pusat pemulihan yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi orang yang terjejas disebabkan oleh ketagihan alkohol. Alasan bagi pendekatan ini masih tidak jelas, tetapi mungkin bergantung pada sejarah dan perundangan sesebuah negara. Penyediaan pusat pemulihan untuk penagih ialah hak individu dan boleh dilaksanakan di Malaysia dengan mewujudkan undang-undang gangguan penggunaan alkohol (AUD) bagi mengurangkan kesan daripada aktiviti orang mabuk terhadap individu tersebut dan turut menjaga kepentingan awam masyarakat Malaysia.

Oleh itu, beberapa artikel dalam perjanjian CRC dan ICESCR mengandungi ungkapan kewajipan hak asasi manusia, dengan banyak yang menumpukan hak untuk kesihatan dan hak untuk mengakses maklumat (Cabrera & Gostin, 2011). Setiap individu mempunyai hak untuk mengetahui maklumat yang berkaitan dengan kandungan dalam minuman keras dan kesannya terhadap kesihatan. Jawatankuasa CRC dan Jawatankuasa ICESCR mengesyorkan supaya Negara Anggota melaksanakan langkah kawalan alkohol seperti yang ditetapkan dalam Strategi Alkohol Global berdasarkan hak asasi manusia. Cadangan tersebut ialah penetapan umur minimum untuk pengambilan alkohol, larangan undang-undang terhadap pengiklanan alkohol, pelaksanaan strategi meningkatkan kesedaran, dan penguatkuasaan peraturan penjualan alkohol dan penguatkuasaan undang-undang tersebut dalam kalangan vendor yang menjual alkohol kepada kanak-kanak (Jawatankuasa CRC, 2015). Oleh itu, jika berlaku pertembungan antara hak individu dengan kepentingan awam, hak masyarakat mesti diutamakan, tetapi tidak melebihi keperluan hak asasi individu.

UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN MINUMAN KERAS DI NORWAY

Norway mempunyai cukai tertinggi untuk alkohol (Are Singapore's alcohol laws, 2016). Norway mempunyai dasar alkohol yang sangat ketat. Norway melaksanakan langkah kawalan yang makin ketat terhadap pembelian alkohol sejak 2 Disember 2021 disebabkan oleh wabak Covid-19. Antara larangannya termasuklah larangan untuk menghidangkan alkohol di restoran dan bar (Branda et al., 2021). Sekatan menyeluruh terhadap pengiklanan dan promosi alkohol ialah langkah yang disyorkan oleh WHO untuk mengurangkan penggunaan alkohol dan bahaya yang berkaitan (Rossow, 2021). Perkara ini satu daripada langkah berkesan untuk mengurangkan penggunaan alkohol (WHO, 2018b). Larangan sepenuhnya terhadap pengiklanan alkohol yang diperkenalkan pada tahun 1975 di Norway mengurangkan penjualan alkohol (Rossow, 2021). Larangan pengiklanan alkohol ini dinyatakan dalam Seksyen 9 Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989.

Undang-undang yang mengawal penjualan minuman beralkohol di Norway ialah Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989. Akta ini diwujudkan untuk mengawal selia pengimportan dan penjualan minuman beralkohol, serta mengehadkan penggunaannya. Akta ini adalah untuk membendung kemudahan terhadap masyarakat dan individu yang terhasil daripada pengambilan minuman beralkohol [Seksyen 1(1) Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989]. Minuman beralkohol hanya boleh dijual, dihidangkan atau dikeluarkan berdasarkan lesen yang diberikan di bawah Akta ini [Seksyen 1(4a) Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989]. Menurut Seksyen 1(5) Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989, minuman beralkohol yang mengandungi 22 peratus atau lebih alkohol tidak boleh dijual secara runcit, dihidangkan atau dibekalkan kepada sesiapa yang umurnya di bawah 20 tahun. Minuman beralkohol yang mengandungi kurang daripada 22 peratus alkohol tidak boleh dijual secara runcit, dihidangkan atau dibekalkan kepada sesiapa yang umurnya di bawah 18 tahun.

Seterusnya, terdapat sekatan waktu dagangan minuman beralkohol di Norway. Sekatan masa bagi peruncitan dan pembekalan minuman beralkohol yang mengandungi maksimum 4.7% alkohol adalah antara pukul 8 pagi hingga 6 petang pada hari bekerja dan aktiviti peruncitan hendaklah dihentikan pada pukul 3 petang pada hari Ahad [Seksyen 3(7)]. Peruncitan dan penghantaran minuman ini tidak boleh dilakukan pada hari Ahad dan

cuti umum, 1 dan 17 Mei dan pada hari pengundian untuk pilihan raya parlimen, pilihan raya majlis daerah, pilihan raya majlis perbandaran dan referendum yang ditetapkan oleh undang-undang. Selain itu, dalam Seksyen 4 Akta ini, minuman beralkohol tidak boleh dihidangkan tanpa lesen. Seksyen 8 dan Seksyen 9 Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989 pula memperuntukkan larangan terhadap aktiviti yang berkaitan dengan minuman beralkohol di Norway. Antaranya termasuklah larangan pengeluaran dan penyulingan semula [Seksyen 8(1)]. Selain itu, terdapat larangan bagi menyimpan dan membeli minuman beralkohol yang menyalahi undang-undang [Seksyen 8(2)], serta larangan terhadap pengeluaran, penyimpanan dan penjualan cecair yang ditapai atau difermentasikan [Seksyen 8(3)]. Menurut Seksyen 8(12) Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989, seseorang itu tidak boleh menjual minuman beralkohol pada harga diskaun.

Sesiapa yang melanggar undang-undang dan peraturan di bawah Akta ini boleh dihukum di bawah Seksyen 10, iaitu didenda atau dipenjarakan dalam tempoh tidak lebih daripada enam bulan. Jika pelanggaran itu melibatkan pengeluaran, penyulingan semula atau pembekalan sebagai balasan untuk bayaran seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 8(3), hukuman penjara hendaklah dikenakan. Jika kesalahan melanggar Akta ini diulang semula, pesalah boleh didenda atau dipenjarakan tidak lebih daripada dua tahun.

Selanjutnya, meminum minuman beralkohol di tempat awam ialah perkara yang dilarang di Norway dan had kandungan alkohol menurut undang-undang ialah 20 miligram alkohol bagi setiap 100 mililiter darah untuk pemandu yang memandu dalam keadaan mabuk. Dalam Seksyen 22 Akta Jalan Raya Norwegian, seseorang yang memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol boleh didenda, iaitu sebanyak satu bulan gaji kasar dan namanya dimasukkan dalam rekod jenayah negara tersebut. Pesalah juga boleh dikenakan sekatan memandu dalam tempoh enam bulan. Jika tahap kesalahan tersebut adalah berat menurut hakim, pesalah itu boleh didenda sebanyak dua bulan gaji kasar, dipenjarakan hingga dua tahun, dipenjarakan secara bersyarat atau tidak bersyarat dalam tempoh 21 hari, serta namanya dimasukkan dalam rekod jenayah negara tersebut. Jika dibandingkan dengan undang-undang Malaysia, Norway mempunyai had alkohol di dalam badan yang lebih rendah, iaitu 20 miligram bagi setiap 100 mililiter darah. Hal ini menunjukkan bahawa undang-undang Norway lebih ketat berbanding dengan undang-undang Malaysia dari segi had kandungan alkohol di dalam badan. Hukuman

bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk di Malaysia pula lebih berat berbanding dengan Norway.

Secara keseluruhannya, Norway mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras yang ketat. Had alkohol di dalam badan yang disarankan oleh WHO ialah 50 miligram alkohol bagi setiap 100 mililiter darah (WHO, 2018a), tetapi Norway menetapkan had yang lebih rendah, iaitu 20 miligram bagi setiap 100 mililiter darah. Hal ini menunjukkan usaha negara tersebut untuk memperketat undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras. Di Malaysia, had alkohol di dalam darah sama seperti yang disarankan oleh WHO. Pendekatan undang-undang ini boleh dijadikan sebagai rujukan dalam usaha memperketat undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia. Maka, Malaysia boleh memperketat undang-undangnya dengan cara mencontohi Norway.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN MINUMAN KERAS DI MALAYSIA

Inisiatif untuk mengurangkan kemudaratan yang berkaitan dengan alkohol (SAFER) yang diterajui oleh WHO adalah berdasarkan pilihan dasar dan intervensi yang berkesan dan kos efektif yang diringkaskan dalam Lampiran 3 Pelan Tindakan Global untuk Pencegahan dan Pengawalan NCD dan disahkan oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-70 (WHO, 2021). Antara inisiatif SAFER ini termasuklah pilihan dasar dan campur tangan, seperti memperkukuh sekatan terhadap ketersediaan alkohol; memajukan dan menguatkuasakan langkah balas memandu di bawah pengaruh alkohol; memudahkan capaian terhadap pemeriksaan, intervensi ringkas dan rawatan; menguatkuasakan larangan atau sekatan menyeluruh terhadap pengiklanan, penajaan dan promosi alkohol; dan menaikkan harga alkohol melalui cukai eksais dan dasar penetapan harga lain (WHO, 2021).

Terdapat enam kawasan tindakan bagi mencapai matlamat dan objektif WHO untuk mengurangkan kematian, masalah kesihatan, masalah sosial dan kesan yang disebabkan oleh minuman beralkohol. Antaranya termasuklah pelaksanaan strategi dan intervensi berimpak tinggi; advokasi, kesedaran dan komitmen; perkongsian, dialog dan penyelarasan bidang tindakan; sokongan teknikal dan pembinaan kapasiti; pengeluaran pengetahuan dan sistem maklumat; dan mobilisasi sumber (WHO, 2021).

Tindakan yang dicadangkan oleh WHO untuk Negara Anggota bagi mencapai matlamat tersebut adalah dengan mengutamakan pelaksanaan mampan, penguatkuasaan berterusan, pemantauan dan penilaian pilihan dasar berimpak tinggi, termasuklah pakej teknikal WHO SAFER dengan jaminan akses terhadap rawatan dan penjagaan yang berpatutan untuk orang yang mengalami gangguan penggunaan alkohol (WHO, 2021). Seterusnya, pembangunan pelan tindakan negara atau rangka kerja tindakan untuk 2022–2030 sejajar dengan pelan tindakan global dan serantau dan mencerminkan situasi negara berkenaan dengan pengambilan alkohol, bahaya yang berkaitan dengan alkohol dan keberkesanan maklum balas dasar program. Selain itu, setiap negara perlu memastikan pembangunan, pelaksanaan dan penilaian langkah dasar alkohol berdasarkan matlamat kesihatan awam dan bukti terbaik yang ada, dan perlindungan daripada gangguan kepentingan komersial.

Selanjutnya, setiap negara perlu memperkukuh atau membangunkan sistem nasional dan subnasional untuk memantau langkah dasar berimpak tinggi alkohol yang dilaksanakan dan campur tangan bersama-sama pemantauan penggunaan alkohol dan kemudahan yang berkaitan untuk menilai kesan sebenar terhadap langkah dasar dan campur tangan. Akhirnya, cadangan tindakan negara adalah dengan mengukuhkan dan menyokong perkongsian luas dan mekanisme antara kerajaan bagi kerjasama merentas sektor yang berbeza untuk pelaksanaan pilihan dasar berimpak tinggi.

Daripada perbincangan sebelum ini, negara Norway dapat dijadikan sebagai inspirasi atau contoh yang baik untuk memperketat undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia dengan tidak menjejaskan hak individu dan dalam masa yang sama dapat menjaga kepentingan awam. Oleh itu, makalah ini membincangkan pendekatan undang-undang yang dapat diaplikasikan terhadap undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia supaya lebih berkesan dan bermanfaat terhadap masyarakat.

Undang-undang yang diwujudkan untuk membendung masalah pemandu mabuk dimulakan pada awal abad ke-20 di Sweden (Widmark, 1932). Penahanan pemandu mabuk yang mempunyai kandungan alkohol di dalam darah yang tinggi dan memberikan hukuman ialah kaedah yang telah lama dipraktikkan di Malaysia. Namun begitu, Malaysia perlu menggunakan pendekatan undang-undang yang berbeza untuk mengurangkan masalah yang berkaitan dengan minuman keras di negara

ini. Satu daripada caranya adalah dengan memperketat undang-undang untuk melindungi orang muda daripada ketagihan alkohol. Seperti yang diketahui, orang yang berumur lebih daripada 21 tahun sahaja boleh membeli minuman keras di Malaysia. Undang-undang ini hanya menghalang seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun daripada membeli minuman keras, bukan menghalangnya meminum minuman tersebut. Oleh itu, dengan mencontohi undang-undang toleransi sifar yang dipraktikkan oleh Amerika Syarikat, pemandu yang berumur di bawah 21 tahun yang memandu kenderaan dalam keadaan terdapat kandungan alkohol di dalam badannya, perlu diberi hukuman, seperti menggantung lesen memandu dan denda yang setimpal dengan kesalahannya (Voas & Fell, 2010). Cara ini dapat mengurangkan jumlah orang muda yang memandu dalam keadaan mabuk.

Seterusnya, pengehadan ketersediaan alkohol dapat mengurangkan amalan meminum alkohol dan masalah sosial yang berkaitan dengan alkohol (Babor et al., 2003). Secara umumnya, undang-undang seperti ini dapat mengawal pembelian dan penggunaan alkohol, tetapi tidak bertentangan dengan hak individu kerana orang yang ingin meminum alkohol masih mendapat bekalan alkohol dengan had pembelian tertentu. Contohnya, meletakkan had botol atau had tin minuman keras yang dihasilkan oleh kilang dan meletakkan had pembelian minuman keras oleh seseorang individu pada satu-satu masa. Pihak berkuasa tempatan pula perlu mengawal selia aktiviti penjualan dan pengeluaran minuman keras secara kerap. Seterusnya, undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras perlu diperketat dengan mengehadkan jualan di kedai luar premis, bar dan restoran (Blöse & Holder, 1987). Pengambilan alkohol dan masalah yang berkaitan juga dapat dikurangkan menerusi peraturan negeri, iaitu pengehadan penjualan minuman keras dengan penetapan had jam dan hari yang menentukan, sama ada minuman keras boleh dijual atau tidak boleh dijual di kedai, restoran dan bar. (Voas & Fell, 2010).

Tambahan pula, peningkatan jumlah kedai alkohol memberikan kesan terhadap penggunaan alkohol. Menerusi undang-undang yang berkaitan dengan minuman keras di Malaysia, lokasi kedai jualan alkohol dapat dihadkan. Hal ini dilakukan oleh Singapura yang menetapkan ordinan pengezonan untuk menjual dan meminum minuman keras. Selain itu, negara juga perlu melarang jualan minuman keras di kedai yang berhampiran dengan sekolah dan tempat ibadat, serta mengehadkan

kepadatan kedai yang menjual minuman keras di sesuatu kawasan (Voas & Fell, 2010).

Seterusnya, dalam keadaan penggunaan minuman keras yang berleluasa dalam kalangan masyarakat yang berpendapatan sederhana dan rendah, peningkatan cukai eksais dengan cara memperketat undang-undang eksais dapat menghadkan penggunaan alkohol. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan berpendapatan rendah mempunyai tahap ekonomi yang rendah. Oleh itu, kaedah ini dapat mengurangkan pembelian minuman keras oleh golongan ini, seterusnya dapat mengurangkan masalah sosial disebabkan oleh meminum minuman keras.

Di samping itu, Malaysia boleh menggunakan dasar keadilan jenayah yang direka untuk mengenal pasti dan merawat orang yang ketagihan minuman keras yang dipraktikkan oleh Amerika Syarikat. Kaedah ini dapat membantu orang yang ketagihan alkohol untuk memulihkannya. Menerusi dasar ini, mahkamah akan memerintahkan orang yang ditahan bagi kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol dan yang terlibat dalam mana-mana masalah sosial disebabkan oleh ketagihan alkohol supaya menjalani program rawatan (Dill & Wells-Parker, 2006). Di Malaysia, tiada perintah oleh mahkamah terhadap individu yang melakukan kesalahan di bawah pengaruh alkohol dan mengalami ketagihan alkohol supaya menjalani program rawatan. Amerika Syarikat menyediakan program rawatan sebegini bagi individu yang ketagihan dadah. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian sistematik dan ujian terkawal rawak (RCT) menunjukkan bahawa penjagaan primer melalui kaunseling dapat membantu peminum berisiko dan yang mempunyai masalah ringan yang berkaitan dengan alkohol supaya dapat mengatasi masalah tersebut (Bertholet et al., 2005). Dasar ini boleh diwujudkan dalam perundangan Malaysia. Dalam hal ini, pesalah yang menjalani hukuman penjara kerana memandu di bawah pengaruh alkohol atau terlibat dalam mana-mana kesalahan disebabkan oleh penggunaan alkohol akan diperintahkan untuk menghadiri program penyeliaan intensif. Menerusi program ini, tahap ketagihan alkohol pesalah ini dipantau dan pesalah diberi rawatan seperti penagih dadah yang mendapat rawatan di pusat serenti. Program ini turut memanfaatkan pelajar kolej atau orang yang terjejas disebabkan oleh masalah gangguan penggunaan alkohol (AUD).

Secara umumnya, cadangan yang dikemukakan ini adalah berdasarkan objektif untuk melindungi kepentingan awam tanpa menjejaskan hak

individu. Di samping cadangan khusus ini, dasar kawalan alkohol yang berkesan perlu dilaksanakan dan dasar kawalan alkohol sedia ada perlu diperketat. Hal ini bagi memastikan Malaysia bebas daripada sebarang kesan buruk daripada aktiviti penggunaan alkohol pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Saranya A/P Ganesan: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis doktrinal, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir dan penghantaran manuskrip akhir; Rohaida Nordin: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penulisan makalah, semakan, pengesahan makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Pengarang mengesahkan bahawa sebarang data yang digunakan bagi menyokong hasil kajian adalah terkandung dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Ago, R. (1957). Positive law and international law. *The American Journal of International Law*, 51(4), 691–733. <https://doi.org/10.2307/2195350>
- Akademi Kastam Diraja Malaysia. (t.t) *Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2015–2019*. <https://koha.customs.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=4800>
- Akta Alkohol (Penjualan Minuman Alkohol) 1989.
- Akta Eksais 1976 dan Peraturan-peraturan Akta 176. (2023). MDC Publisher Sdn. Bhd.
- Akta Polis 1967 (Akta 344).
- Ardiah Jamali, Zaidah Mustapha & Rokiah Ismail. (2009). Pola dan faktor yang mempengaruhi peminuman minuman keras remaja Dusun Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5(2), 82–101.
- Are Singapore's alcohol laws too strict or too relaxed. (2016). *The Cabin Singapore*. <https://www.thecabinsingapore.com.sg/blog/alcohol-addiction-treatment/singapores-alcohol-laws-too-strict-or-need-more-tightening/>
- Austin, J. (2000). The province of jurisprudence determined. Dalam J. Arthur & W. H. Shaw (Eds.), *Reading in philosophy of law* (117–123). Prentice Hall.
- Babor, T. F., Caetano, R., Casswell, S., Edwards, G., Giesbrecht, N., Graham, K., Grube, J. W., Hill, L., Holder, H., Homel, H., Livingston, M., Österberg, E., Rehm, J., Room, R., & Rossow, R. (2003). *Alcohol: No ordinary commodity: Research and public policy* (1–11). Oxford University Press.
- Bertholet, N., Daepfen, J. B., Wietlisbach, V., Fleming, M., & Burnand, B. (2005). *Reduction of alcohol consumption by brief alcohol intervention in primary care: Systematic review and meta-analysis* (986–995). *Arch Intern Med*.
- Blose, J. O., & Holder, H. D. (1987). Liquor-by-the-drink and alcohol-related traffic crashes: A natural experiment using time-series analysis. *Journal of Studies on Alcohol*, 48(1), 52–60.
- Branda, L. T., MacDonald, E., Veneti, L., Ravlo, T., Lange, H., Naseer, U., Feruglio, S., Bragstad, K., Hungnes, O., Ødeskaug, L. E., Hagen, F., Hanch-Hansen, K. E., Lind, A., Watle, S. V., Taxt, A. M., Johansen, M., Vold, L., Aavitsland, P., Nygård, K., & Madslie, E. H. (2021). Outbreak caused by the SARS-CoV-2 Omicron variant in Norway, November to December 2021. *Eurosurveillance*, 26(50), 4–8.
- Cabrera, O. A., & Gostin, L. O. (2011). Human rights and the framework convention on tobacco control: Mutually reinforcing systems. [Special Issues]. *International Journal of Law in Context*, 7(3), 285–291. <https://doi.org/10.1017/S1744552311000139>
- Convention on the Rights of the Child (CRC) 1995.
- Dill, P. L., & Wells-Parker, E. (2006). Court-mandated treatment for convicted drinking drivers. *Alcohol Research and Health*, 29(1), 41–48.

- Dworkin, R. (2000). The model of rules. Dalam J. Arthur & W. H. Shaw (Eds.), *Reading in philosophy of law* (160—170). Prentice Hall.
- Ferguson, L., Tarantola, D., Hoffmann, M., & Gruskin, S. (2017). Non-communicable diseases and human rights: Global synergies, gaps and opportunities. *Global Public Health*, 12(10), 1200–1227. <https://doi.org/10.1080/17441692.2016.1158847>
- Han Feizi. (1996). Completed works of teachers. *Unity Publishing House*, 5, 141–310.
<https://iris.who.int/bitstream/handle/10665/312318/WHO-MSD-MSB-18.2-eng.pdf?sequence=1&ua=1>
- Institute for Public Health, Ministry of Health Malaysia. (2020). *Tinjauan kesihatan dan morbiditi kebangsaan: Penyakit tidak berjangkit, penjagaan kesihatan dan literasi kesihatan*. <https://iku.nih.gov.my/nhms-2019>
- International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (ICESCR) 1976.
- Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia. (t.t) *Pelan Strategik JPJ 2016–2020*. https://www.jpj.gov.my/web/main-site/penerbitan/-/knowledge_base/penerbitan/pelan-strategik-jpj-2016-2020
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (t.t). *Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak*. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/left3&id=MWUrNGVSZ3ljeXFQRWhlKzJ6SitsZz09>
- Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah, Muhamad Asyraf Ahmad Termimi, Muhammad Ikhlas Rosele & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2013). Hak asasi bukan muslim di Malaysia: Analisis isu terpilih. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society 2013*, 552–565.
- Ku Seman Ku Hussain. (2021). Arak: Hak majoriti dinafikan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/10/arak-hak-majoriti-dinafikan/#%3A~%3Atext%3DPihak%20yang%20minoriti%20perlu%20mengikut%20suara%20majoriti.%20Bagaimanapun%2C%2Ctetapi%20hak%20majoriti%20yang%20menolak%20arak%20telah%20dinafikan>
- Legarre, S. (2017). HLA Hart and the making of the new natural law theory Jurisprudence. *An International Journal of Legal and Political Thought*, 8(1), 82–98.
- Manzaidi Mohd Amin. (2021, 8 Julai). PGA patah cubaan seludup arak tidak bercukai RM1.65 juta. *MalaysiaGazette*. https://malaysiagazette.com/2021/07/08/pga-patah-cubaan-seludup-arak-tidak-bercukai-rm1-65-juta/#google_vignette
- Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid. (2021, 6 Disember). Hilang cukai RM281.69 juta akibat penyeludupan rokok, minuman keras. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/176302/BERITA/Nasional/Hilang-cukai-RM28169-juta-akibat-penyeludupan-rokok-minuman-keras>

- Muhammad Aminnuraliff. (2022, 13 April). Elak arak dirampas, penyeludup campur barang lain. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/197787/BERITA/Semasa/Elak-arak-dirampas-penyeludup-campur-barang-lain>
- Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR). (1966). General Assembly Resolution 2200A (XXI). <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/international-covenant-economic-social-and-cultural-rights>
- Public Prosecutor lwn Chew Jing Zhong* [2020] *MLJU* 672
- Olivia Chong Oi Yun lwn Public Prosecutor* [2020] 10 *MLJ* 19
- Raja Noraina Raja Rahim. (2021, 3 Mei). Langgar SOP, jual arak tanpa lesen. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/05/701773/langgar-sop-jual-arak-tanpa-lesen>
- Rossow, I. (2021). The alcohol advertising ban in Norway: Effects on recorded alcohol sales. *Drug Alcohol Rev*, 40(7), 1392–1395. Doi: 10.1111/dar.13289.
- Rubini Nagarajah. (2022, 5 Mac). Jual arak tanpa lesen, 4 lelaki ditahan. *Getaran.my*. <https://www.getaran.my/artikel/semasa/20247/jual-arak-tanpa-lesen-4-lelaki-ditahan>
- Thomas Aquinas. (t.t.). Natural Law. <https://opentextbc.ca/ethicsinlawenforcement/chapter/natural-law/#:~:text=Natural%20law%20was%20espoused%20by,way%20to%20make%20ethical%20choices.>
- Universal Declaration of Human Rights 1948.
- Voas, R., & Fell, J. (2010). Preventing alcohol-related problems through health. *Alcohol Research and Health*, 33(1–2), 18–28.
- Widmark, E. M. P. (1932). *Principles and applications of medicolegal alcohol determination*. Biomedical Publications.
- World Health Organization. (2007). *Second report: WHO expert committee on problems related to alcohol consumption*. <https://www.who.int/publications/i/item/9789241209441>
- World Health Organization. (2011). *Global status report on alcohol and health 2011*. <https://www.who.int/publications/i/item/global-status-report-on-alcohol-and-health-2011>
- World Health Organization. (2014). *Global Status Report on Alcohol and Health 2014*. <https://www.who.int/publications/i/item/global-status-report-on-alcohol-and-health-2014>
- World Health Organization. (2018a). *Global status report on alcohol and health 2018*. <https://www.who.int/publications/i/item/9789241565639>
- World Health Organization. (2018b). *SAFER: Preventing and reducing alcohol-related harms*. <https://www.who.int/docs/default-source/alcohol/safer-framework.pdf>

- World Health Organization. (2021). *Global alcohol action plan 2022-2030 to strengthen implementation of the global strategy to reduce the harmful use of alcohol*. https://cdn.who.int/media/docs/default-source/alcohol/action-plan-on-alcohol_first-draft-final_formatted.pdf?sfvrsn=b690edb0_1&download=true
- Yamin, A. E., & Constantin, A. (2018). A long and winding road: The evolution of applying human rights frameworks to health. *Georgetown Journal of International Law*, 49, 191–239.